Wong Cham Mew lwn Hong Leong Finance Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN SIVIL NO S1-23-66 OF 1994
MOHD NOOR AHMAD H
19 JANUARI 1998

Had masa *— Tindakan untuk fitnah — Fitnah dikatakan dilakukan melalui penyiaran notis penyampaian ganti saman pemula di dalam akhbar — Sama ada tindakan dimulakan di luar had masa — Sama ada kausa tindakan bermula daripada tarikh notis disiarkan atau tarikh saman pemula difailkan — Akta Had Masa 1953 s 6*

Tort *— Fitnah — Libel — Pembelaan — Perlindungan mutlak — Kenyataan fitnah dikatakan dilakukan melalui penyiaran notis penyampaian ganti saman pemula di dalam akhbar — Sama ada notis tertakluk di bawah perlindungan mutlak — Sama ada s 11 Akta Fitnah 1957 terpakai — Sama ada kenyataan yang menjadi asas aduan dibuat dalam pelaksanaan suatu tindakan kehakiman — Sama ada notis yang diiklankan dibuat dalam prosiding mahkamah — Akta Fitnah 1957 ss 11(1) & 12(4)*

Melalui Saman Pemula No S6-31-958-88 ('saman pemula tersebut') yang difailkan pada 11 April 1988, perayu telah dinamakan sebagai defendan di mana penentang bertindak sebagai plaintif. Notis untuk penyampaian ganti saman pemula tersebut telah disiarkan di dalam akhbar pada 9 Disember 1988. Akibat dari penyiaran notis tersebut, perayu dikatakan telah menghadapi kerosakan yang amat besar kepada kredit dan reputasi dalam profesyennya sebagai seorang akauntan awam. Perayu memfailkan tindakan terhadap penentang pada 9 Ogos 1994 menuntut ganti rugi kerana fitnah yang dikatakan dilakukan oleh penentang. Penentang memohon untuk membatalkan writ dan pernyataan tuntutan perayu atas alasan bahawa ia tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan yang munasabah. Permohonan penentang telah dibenarkan oleh penolong kanan pendaftar. Perayu membuat rayuan. Isu-isu di hadapan mahkamah adalah sama ada: (i) tindakan perayu telah difailkan di luar had masa enam tahun; dan (ii) pihak penentang dilindungi daripada apa-apa tuntutan fitnah berdasarkan s 11 Akta Fitnah 1957 (perlindungan mutlak). Perayu berhujah bahawa s 11 tidak terpakai di dalam kes ini kerana ia merujuk kepada laporan prosiding mahkamah sedangkan kes ini merujuk kepada notis tindakan mahkamah.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Jelas daripada pernyataan tuntutan perayu, kausa tindakan ialah perlakuan fitnah oleh penentang melalui tindakan saman pemula tersebut apabila perayu dinamakan sebagai defendan pertama dan notis penyampaian ganti diiklankan dalam akhbar bertarikh 9 Disember 1988. Jelas juga bahawa kausa tindakan perayu bermula apabila tindakan saman pemula tersebut difailkan. Oleh itu, adalah jelas tempoh had masa enam tahun telah luput pada 10 April 1994. Dengan itu, tindakan perayu yang difailkan pada 9 Ogos 1994 adalah di luar tempoh masa enam tahun dan

bercanggah dengan s 6 Akta Had Masa 1953 (lihat ms 197H dan 198G–H).

(2) Berdasarkan kepada ss 11(1) dan 12(4) Akta Fitnah 1957, semua kenyataan yang menjadi asas aduan perayu telah dibuat di dalam pelaksanaan suatu tindakan kehakiman, jadi kenyataan tersebut tidak boleh dibangkitkan oleh perayu. Notis yang diiklankan dibuat dalam prosiding mahkamah di mana ia telah diperolehi dengan cara yang betul melalui permohonan penyampaian ganti. Berikutan dari perintah tersebut, notis telah diiklankan dalam akhbar pada 9 Disember 1988. Adalah jelas perintah tersebut diberikan oleh penolong kanan pendaftar di dalam menjalankan tugas kehakiman beliau. Oleh itu, notis tersebut adalah tertakluk di bawah perlindungan mutlak. Berdasarkan fakta-fakta, pembelaan perlindungan mutlak adalah terpakai dan penentang adalah dilindungi daripada apa-apa tuntutan fitnah.

Mahkamah hanya akan membatalkan sesuatu writ dan pernyataan tuntutan dalam sesuatu kes yang jelas menunjukkan penyalahgunaan proses mahkamah dan tuntutan tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan. Dalam kes ini, jelas sekali pihak perayu gagal untuk menunjukkan apa-apa kausa tindakan yang munasabah. Tambahan lagi, tindakan perayu dibuat di luar had masa enam tahun itu (lihat ms 198I, 199A–D, G–I dan 200A–B).

[English summary

By Originating Summons No S6–31–958–88 ('the originating summons') filed on 11 April 1988, the appellant was named as defendant whereby the respondent acted as plaintiff. Notice of substituted service of the originating summons was published in the papers on 9 December 1988. As a result of the publication of the notice, the appellant was alleged to have suffered considerable damage to his credit and reputation in his profession as a public accountant. The appellant filed an action against the respondent on 9 August 1994 claiming damages arising from the defamation alleged to have been committed by the respondent. The respondent applied to have the appellant's writ and statement of claim struck out on the ground it did not disclose any reasonable cause of action. The respondent's application was allowed by the senior assistant registrar. The appellant appealed. The issues before the court were whether: (i) the appellant's action was filed out of the six-year limitation period; and (ii) the respondent was shielded from any claim for defamation based on s 11 of the Defamation Act 1957 (absolute privilege). The appellant submitted that s 11 did not apply in this case since it referred to the report on the court proceedings whilst this case referred to the notice on the court action.

Held, dismissing the appeal:

(1) It was apparent from the appellant's statement of claim that the cause of action was the commission of defamation by the

respondent through the originating summons action when the appellant was named as the first defendant and notice of the substituted service was advertised in the papers dated 9 December 1988. It was also apparent that the appellant's cause of action commenced when the originating summons was filed. Therefore, it was clear that the six-year limitation period had lapsed on 10 April 1994. Consequently, the appellant's action filed on 9 August 1994 was beyond the six-year limitation period and contrary to s 6 of the Limitation Act 1953 (see pp 197H and 198G–H).

(2) Based on ss 11(1) and 12(4) of the Defamation Act 1957, all statements which formed the basis of the appellant's complaint had been made in the execution of a judicial action, so the statement could not be raised by the appellant. The advertised notice was made in court proceedings where it had been obtained in the right manner through an application for substituted service. Following the order, the notice was advertised in the papers on 9 December 1988. It was clear that the order was granted by the senior assistant registrar in the course of carrying out his judicial tasks. Hence the notice was subject to absolute privilege. Based on the facts, the defence of absolute privilege applied and the respondent was protected from any claim for defamation.

The court will only strike out a writ and statement of claim in a case which clearly shows abuse of process of the court and the claim does not disclose any cause of action. In this case, it was apparent that the appellant had failed to show any reasonable cause of action. Moreover, the appellant's action had been made out of the six-year limitation (see pp 198I, 199A–D, G–I and 200A–B).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai had masa, lihat 9 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1995 Reissue) perenggan 1732–1960.

Untuk kes-kes mengenai fitnah, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 1996 Reissue) perenggan 138–261.

Undang-undang yang dirujuk

Akta Fitnah 1957 ss 11, 12(4)
Akta Had Masa 1953 s 6
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 18 k 19(1)

Wong Chee Wai (*SK Lam & Partners*) bagi pihak plaintif/perayu.
Jeyanthini Kannaperan (*Shearn Delamore & Co*) bagi pihak defendan/penentang.

Cur Adv Vult

Mohd Noor Ahmad J: Ini adalah rayuan oleh plaintif ('perayu') terhadap keputusan penolong kanan pendaftar bertarikh 13 Januari 1997 yang telah

membenarkan permohonan defendan ('penentang') untuk membatalkan writ dan pernyataan tuntutan perayu di bawah A 18 k 19(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980.

Perayu di dalam kes ini menuntut ganti rugi aggravated atau ganti rugi teladan kerana fitnah yang dikatakan dilakukan oleh penentang. Melalui satu kes yang terdahulu iaitu Saman Pemula No S6–31–958–88, perayu telah dinamakan sebagai defendan pertama di mana penentang bertindak sebagai plaintif. Peguamcara plaintif dalam kes tersebut telah menyiarkan notis untuk penyampaian ganti di dalam akhbar *The Malay Mail*. Akibat dari penyiaran notis tersebut, perayu dikatakan telah menghadapi kerosakan yang amat besar kepada kredit dan reputasi dalam profesyennya sebagai seorang akauntan awam.

Permohonan pihak penentang untuk membatalkan writ dan pernyataan tuntutan perayu adalah atas alasan:

(a) ia tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan yang munasabah;

(b) ia mengaibkan, remeh atau menyusahkan; dan/atau

(c) ia adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

Dalam hujahnya, pihak perayu berkata bahawa tiga elemen yang perlu dibuktikan dalam kes tindakan fitnah telah dapat dibuktikan, iaitu:

(1) pernyataan merujuk kepada perayu;

(2) pernyataan diterbitkan/diumumkan kepada pihak ketiga; dan

(3) pernyataan itu bermaksud fitnah.

Jika merujuk kepada pembelaan terpinda penentang, pada keseluruhannya menafikan berlakunya fitnah terhadap perayu. Sebaliknya penentang telah membuat pembelaan yang boleh mengenepikan tuntutan perayu. Mahkamah juga merujuk kepada afidavit yang menyokong permohonan untuk mengenepikan writ dan pernyataan tuntutan yang diikrarkan pada 6 Oktober 1994. Melalui afidavit itu, penentang menjelaskan mengapa pihak perayu di sini telah dinamakan sebagai defendan pertama di dalam Saman Pemula No S6–31–958–88. Rujukan dibuat kepada eks NKM-2 iaitu afidavit perayu bagi kes Saman Pemula No F 390–1983 di mana perayu mengakui beliau adalah tuan punya berdaftar hartanah tersebut (kedua-dua kes melibatkan hartanah yang sama).

Seterusnya dilihat apakah sebenarnya kausa tindakan perayu di dalam kes ini dan bilakah ia berlaku. Jelas daripada pernyataan tuntutan perayu, kausa tindakan ialah perlakuan fitnah oleh penentang melalui tindakan Saman Pemula No S6–31–958–88 apabila perayu dinamakan sebagai defendan pertama dan notis penyampaian ganti diiklankan dalam akhbar *The Malay Mail* bertarikh 9 Disember 1988. Persoalannya bilakah tarikh sebenar kausa tindakan bermula, sama ada semasa Saman Pemula No S6–31–958–88 difailkan iaitu pada 11 April 1988 atau sama ada notis diiklankan pada 9 Disember 1988 seperti dihujah oleh pihak perayu. Isu ini akan dibincangkan lebih lanjut lagi di dalam membincangkan pembelaan had masa nanti.

Pembelaan-pembelaan utama yang ditimbulkan oleh penentang ialah: A

(1) Had masa.

(2) Perlindungan mutlak atau absolute privilege.

Had masa

B

Dalam membincangkan isu had masa ini, terdapat dua pendekatan yang berbeza bagi mempastikan sama ada tindakan ini difailkan dalam tempoh masa yang diperuntukkan. Adalah tidak dipertikaikan oleh kedua-dua pihak bahawa tindakan ini difailkan pada 9 Ogos 1994 dan tindakan Saman Pemula No S6–31–958–88 difailkan pada 11 April 1988. Pihak penentang berhujah had tempoh enam tahun luput pada 10 April 1994 C iaitu enam tahun dari tarikh perayu dinamakan sebagai plaintif dalam Saman Pemula No S6–31–958–88, iaitu bila tindakan itu difailkan.

Sebaliknya pihak perayu berhujah tempoh enam tahun tidak luput pada 10 April 1994. Alasannya ialah kausa tindakan bermula dari tarikh penerbitan kenyataan fitnah iaitu tarikh penyampaian kertas kausa melalui D iklan pada 9 Disember 1988. Jadi tempoh enam tahun hanya akan luput pada 10 Disember 1994. Walau bagaimanapun, mahkamah berpendapat kausa tindakan kes ini bermula apabila tindakan Saman Pemula No S6–31–958–88 difailkan. Di sini mahkamah bersetuju dengan hujah pihak penentang dan merujuk kepada kausa tindakan yang diplidkan di perenggan- E perenggan 3 dan 4 pernyataan tuntutan perayu iaitu:

> Perenggan 3:
>
> Penentang telah dengan kecuaian, kepalsuan dan/atau malice memulakan tindakan terhadap perayu melalui Saman Pemula No S6–31–958–88 ('guaman tersebut') di Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur. F
>
> Perenggan 4:
>
> Penentang telah dengan kecuaian, kepalsuan dan/atau malice menamakan perayu sebagai defendan pertama di dalam guaman tersebut dan mencatitkan nama perayu di dalam semua kertas kausa di dalam guaman tersebut.

Jadi, jika dilihat dari kandungan pernyataan tuntutan di atas, jelas sekali G kausa tindakan perayu bermula apabila tindakan Saman Pemula No S6–31–958–88 difailkan. Oleh itu adalah jelas tempoh had masa enam tahun telah luput pada 10 April 1994. Dengan itu, tindakan perayu yang difailkan pada 9 Ogos 1994 adalah di luar tempoh masa enam tahun dan bercanggah dengan s 6 Akta Had Masa 1953. Berkenaan kausa tindakan di perenggan 6 H pernyataan tuntutan, saya berpendapat bahawa had masa tidak terpakai kerana tindakan ini difailkan dalam tempoh masa enam tahun dari tarikh pengiklanan (9 Disember 1988). Walau apa pun, berdasarkan kepada pendapat saya di bawah pembelaan perlindungan mutlak, perkara ini tidak menjadi isu yang perlu dibicarakan.

I

Perlindungan mutlak

Pihak perayu berhujah bahawa s 11 Akta Fitnah 1957 ('Akta tersebut') tidak terpakai di dalam kes ini kerana ia merujuk kepada laporan prosiding

A mahkamah sedangkan kes ini merujuk kepada notis tindakan mahkamah. Seksyen 11(1) Akta tersebut menyatakan:

> A fair and accurate and contemporaneous report of proceedings publicly heard before any court lawfully exercising judicial authority within Malaysia and of the judgment, sentence or finding of any such court shall be absolutely
B privileged, and any fair and bona fide comment thereon shall be protected, although such judgment, sentence or finding be subsequently reversed, quashed or varied, unless at the time of the publication of such report or comment the defendant who claims the protection afforded by this section knew or ought to have known of such reversal, quashing or variation.

C Pihak penentang pula berhujah kesemua tindakan penentang iaitu dari permulaan penamaan perayu dalam tindakan tersebut dan pengiklanan notis dibuat di dalam keadaan yang dilindungi dengan mutlak. Perlindungan mutlak terdapat di bawah common law privilege yang masih terus terpakai berdasarkan s 12(4) Akta tersebut yang menyatakan:

> D Nothing in this section shall be construed as limiting or abridging any privilege subsisting (otherwise than by virtue of the Libel Enactment of the Federated Malay States and the Libel Ordinance of the Straits Settlements repealed by this Act) immediately before the commencement of this Act.

Diturunkan juga petikan dari buku teks Keith R Evan, *The Law of Defamation in Malaysia and Singapore* di ms 77:

E

> At common law, such occasions of absolute privilege include statements made in the course of, or contained in documents made in, judicial or quasi-judicial proceedings. Hence, a witness' remarks are protected by absolute privilege. The privilege also covers statements made by one officer of state to another in the course of his official duty. Absolute privilege also
F extends to communications between a solicitor and his client, at least with respect to those made in connection with litigation.

Berdasarkan kepada nas-nas di atas, mahkamah bersetuju dengan hujah pihak penentang bahawa semua kenyataan yang menjadi asas aduan perayu telah dibuat di dalam pelaksanaan suatu tindakan kehakiman, jadi kenyataan
G tersebut tidak boleh dibangkitkan oleh perayu.

Mengenai notis yang diiklankan dalam akhbar *The Malay Mail*, pihak penentang menyatakan ia dibuat mengikut perintah mahkamah dan tidak boleh dijadikan kausa tindakan fitnah kerana ia dilindungi di bawah ss 11 dan 12 Akta tersebut.

H Seterusnya mahkamah berpendapat notis yang diiklankan dibuat dalam prosiding mahkamah di mana ia telah diperolehi dengan cara yang betul melalui permohonan penyampaian ganti bertarikh 20 Jun 1988 di eks NKM-3 dan perintah dikeluarkan pada 18 Ogos 1988 di eks NKM-4. Berikutan dari perintah tersebut, notis telah diiklankan dalam akhbar *The Malay Mail* pada 9 Disember 1988. Adalah jelas perintah tersebut
I diberikan oleh penolong kanan pendaftar di dalam menjalankan tugas kehakiman beliau. Oleh itu notis tersebut adalah tertakluk di bawah perlindungan mutlak.

Berdasarkan kepada fakta-fakta di atas, pembelaan perlindungan mutlak adalah terpakai dan pihak penentang adalah dilindungi daripada apa-apa tuntutan fitnah. Begitu juga dengan pembelaan had masa yang telah dibincangkan dan terpakai dalam kes ini. Mahkamah hanya akan membatalkan sesuatu writ dan pernyataan tuntutan dalam sesuatu kes yang jelas menunjukkan penyalahgunaan proses mahkamah dan tuntutan tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan. Dalam kes ini jelas sekali pihak perayu gagal untuk menunjukkan apa-apa kausa tindakan yang munasabah. Tambahan lagi, tindakan perayu dibuat di luar had masa enam tahun itu.

Dengan ini rayuan ditolak dengan kos dan keputusan penolong kanan pendaftar dikekalkan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Jafisah Jaafar